

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 15 Disember 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

### **BAGI STATISTIK ALAM SEKITAR, 2023**

---

#### **Jumlah Insiden Banjir Menurun kepada 983 Berbanding 1,057 pada 2021**

**PUTRAJAYA, 15 DISEMBER 2023** – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Statistik Alam Sekitar 2023** yang memaparkan statistik alam sekitar meliputi enam (6) komponen iaitu Keadaan & Kualiti Alam Sekitar; Sumber Alam Sekitar & Kegunaannya; Sisa; Kejadian Ekstrem & Bencana; Penempatan Penduduk & Kesihatan Persekutaran; dan Penglibatan, Pengurusan & Perlindungan Alam Sekitar. Penyusunan statistik ini adalah berdasarkan *Framework for the Development of Environment Statistics (FDES), United Nations 2013*.

Secara umum, pembukaan aktiviti ekonomi serta fenomena perubahan iklim mempunyai pelbagai kesan terhadap alam sekitar pada 2022. Pemansuhan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta penurunan kes COVID-19 daripada 2,645,076 kes pada 2021 kepada 2,268,591 kes pada 2022 menyebabkan kuantiti sisa klinikal menguncup sebanyak 14.4 peratus pada 2022 kepada 49.1 ribu tan metrik berbanding 57.4 ribu tan metrik pada 2021. Terdapat tiga negeri yang merekodkan jumlah sisa klinikal terbesar iaitu Selangor

(10.6 ribu tan metrik), W.P. Kuala Lumpur (5.8 ribu tan metrik) dan Sarawak (4.7 ribu tan metrik).

Cuaca lembap yang disebabkan oleh La Nin  memberi kesan langsung kepada alam sekitar. Hujan tahunan di 22 stesen menunjukkan peningkatan antara 26.0 mm – 1,749.4 mm.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menerangkan, "Malaysia mengalami kesan La Nin  pada 2022. Walau bagaimanapun, bilangan kejadian banjir menurun kepada 983 berbanding 1,057 pada tahun 2021. Sarawak merekodkan jumlah kejadian banjir tertinggi dengan 242 kejadian, diikuti Kedah (108 kejadian), Terengganu dan Selangor (masing-masing 107 kejadian)".

Jumlah mangsa yang terjejas akibat bencana (banjir, ribut, tanah runtuh dan kebakaran) menurun kepada 192,707 orang (2021: 208,643 orang). Sementara itu, bilangan Pusat Pemindahan Sementara juga berkurangan kepada 1,498 berbanding tahun sebelumnya (1,778).

Tambahan pula, kesan La Nin  juga telah menyebabkan peningkatan kepada bacaan bilangan hari kilat. Stesen KLIA, Sepang merekodkan bacaan bilangan hari kilat tertinggi iaitu sebanyak 340 hari (2021: 335 hari) pada 2022 diikuti stesen Subang merekodkan 307 hari (2021: 302 hari) dan stesen Melaka sebanyak 273 hari (2021: 231).

Cuaca hujan menyebabkan pembiakan nyamuk aedes meningkat sekali gus menyumbang kepada peningkatan kes demam denggi. Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Kes demam denggi di Malaysia meningkat dengan ketara sebanyak 150.9 peratus kepada 65,987 kes pada 2022 berbanding 26,301 kes pada 2021. Selangor mencatatkan kes

tertinggi dengan 37,502 kes (2021: 15,712 kes), diikuti Sabah (7,092 kes) dan W.P Kuala Lumpur termasuk Putrajaya (6,714 kes)".

Kesan pembukaan semua aktiviti ekonomi pada 2022 telah memacu ekonomi negara berkembang sebanyak 8.7 peratus berbanding 3.3 peratus yang dicatatkan pada 2021. Penduduk kembali bergerak untuk aktiviti ekonomi, sosial atau riadah dan dengan itu, membawa kepada peningkatan bilangan pengguna jalan raya. Ini secara tidak langsung telah menyebabkan peningkatan kemalangan jalan raya serta kematian yang berkaitan dengan kemalangan jalan raya.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Jumlah kemalangan jalan raya telah meningkat dua digit pada 2022 selepas menurun selama dua tahun berturut-turut. Kemalangan jalan raya meningkat 47.3 peratus kepada 545,585 kes berbanding tahun sebelumnya (2021: 370,286 kes). Selangor mencatatkan jumlah kemalangan jalan raya tertinggi dengan 156,815 kes diikuti Johor (76,028 kes) dan W.P Kuala Lumpur (62,428 kes). Tambahan pula, jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya meningkat 34.0 peratus kepada 6,080 kematian pada 2022 berbanding 4,539 kematian pada tahun sebelumnya".

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
15 DISEMBER 2023**


## Carta 1: Bilangan Kes Demam Denggi Mengikut Negeri, 2021-2022



Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Nota: <sup>1</sup> Termasuk WP Putrajaya

## Carta 2: Bilangan Kemalangan Jalan Raya Mengikut Negeri, 2021- 2022



Sumber: Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Polis Diraja Malaysia

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, December 15<sup>th</sup> 2023**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT**  
**FOR ENVIRONMENT STATISTICS 2023**

---

**The Number of Flood Incidents Decreased to 983 as Compared to 1,057  
in 2021**

**PUTRAJAYA, DECEMBER 15<sup>th</sup>, 2023** – Department of Statistics Malaysia (DOSM) has published the **Environment Statistics 2023** that presents environmental statistics on six (6) components namely Environmental Conditions & Quality; Environmental Resources & Their Use; Residuals; Extreme Events & Disasters; Human Settlements & Environmental Health; and Environmental Protection, Management & Engagement. The compilation of these statistics is based on the Framework for the Development of Environment Statistics (FDES), United Nations, 2013.

In general, the opening of economic activities and climate change phenomenon have various effects on the environment in 2022. The lifting of Movement Control Orders (MCO) as well as the declined in COVID-19 cases from 2,645,076 cases in 2021 to 2,268,591 cases in 2022 caused quantity of clinical wastes contracted by 14.4 per cent in 2022 to 49.1 thousand metric tonnes as compared to 57.4 thousand metric tonnes in 2021. There were three states that recorded large amount of clinical wastes

*namely Selangor (10.6 thousand metric tonnes), W.P. Kuala Lumpur (5.8 thousand metric tonnes) and Sarawak (4.7 thousand metric tonnes).*

*The humid weather caused by La Niña has a direct impact on the environment. The annual rainfall in 22 stations showed an increase between 26.0 mm – 1,749.4 mm.*

*Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin explained, "Even Malaysia experienced the effects of La Niña in 2022. Nevertheless, the number of flood incidents decreased to 983 as compared to 1,057 in 2021. Sarawak recorded the highest number of flood incidents with 242, followed by Kedah (108 incidents), Terengganu and Selangor (107 incidents respectively)".*

*The number of victims affected by the disaster (flood, storm, landslide and fire) decreased to 192,707 people (2021: 208,643 people). Meanwhile, the number of Temporary Evacuation Centres also decreased to 1,498 as compared to the previous year (1,778).*

*In addition, the La Niña effect has also resulted in an increase in the number of lightning days. KLIA Station, Sepang recorded the highest number of lightning days at 340 days (2021: 335 days) in 2022 followed by Subang station recorded 307 days (2021: 302 days) and Melaka station at 273 days (2021: 231).*

*The rainy weather led to increase aedes mosquito breeding, thus contributed to the increase in dengue fever cases. Chief Statistician of Malaysia Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The dengue fever cases in Malaysia rose significantly by 150.9 per cent to 65,987 cases in 2022 as compared to 26,301 cases in 2021. Selangor recorded the highest number of cases with 37,502 cases (2021: 15,712 cases), followed by Sabah (7,092 cases) and W.P Kuala Lumpur including Putrajaya (6,714 cases)".*

*The impact of the opening all economic activity in 2022 has driven the country's economy to grow by 8.7 percent as compared to 3.3 per cent registered in 2021. The population is back on the move for economic, social or leisure activities and thus, led to the increase of the number of road users. This has indirectly led to increase in road accidents as well as fatality related to road accidents.*

*Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The number of road accidents have increased double digit in 2022 after declining for two consecutive years. The road accidents surged 47.3 per cent to 545,585 cases as compared to the previous year (2021: 370,286 cases). Selangor recorded the highest number of road accidents with 156,815 cases followed by Johor (76,028 cases) and W.P Kuala Lumpur (62,428 cases). Furthermore, the number of deaths from road accidents rose 34.0 per cent to 6,080 deaths in 2022 as compared to 4,539 deaths in the previous year".*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

*DOSM will conduct the Agriculture Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development".*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".*


*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**15<sup>th</sup> DECEMBER 2023**


**Chart 1: Number of Dengue Fever Cases by State, 2021-2022**



Source: Ministry of Health

Notes: <sup>1</sup> Include WP Putrajaya

**Chart 2: Number of Road Accidents by State, 2021-2022**



Source: Investigation and Enforcement of the Traffic Department Royal Malaysia Police